

**Skema Pemarkahan Pengajian Am 1
900/1 Tahun 2019**

Bahagian A

Soalan Aneka Pilihan

Bahagian ini mengandungi 15 soalan aneka pilihan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.

Markah penuh : **15 markah**

Bahagian B

Soalan Struktur

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Markah bagi setiap soalan antara 3 hingga 4 markah.

Markah penuh : **15 markah**

Kriteria	Markah	Catatan
Isi betul	1	Soalan berbentuk Kemahiran berfikir Aras Rendah (LOTS)
Isi betul Huraian betul	1 + 1	Soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS)

Nota:

1. Jika calon memberi dua jawapan dalam setiap jawapan (seperti adanya kata hubung 'dan' atau perkataan lain yang membawa erti adanya dua jawapan), maka jawapan calon yang pertama sahaja yang akan diperiksa dan diberi markah jika betul.
2. Jika soalan menentukan bilangan jawapan, tetapi calon menambah bilangan jawapan, maka jawapan yang selebihnya tidak akan diperiksa.
3. Terminologi seperti nama organisasi, jika ditulis dalam bentuk singkatan boleh diterima sebagai jawapan. Contoh ASEAN, APEC dan sebagainya.
4. Terminologi yang telah diterima pakai umum seperti K-ekonomi atau e-dagang tidak perlu diberikan maksudnya dalam jawapan calon.

Bahagian C

Karangan

Markah penuh: 50 markah

A. Pemberian markah karangan akan berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- | | |
|-----------------------------|-------------------|
| 1. Isi dan Idea (I) | [5] markah |
| 2. Hujah (H) | [15] markah |
| 3. Kemahiran Kebahasaan (B) | [4] markah |
| 4. Format | <u>[1] markah</u> |
| | <u>25 markah</u> |

Catatan:

(i) Pembahagian markah untuk isi dan Idea (I):

Baik	:	4-5 markah
Sederhana	:	3 markah
Lemah	:	1-2 markah

(ii) Pembahagian markah untuk Huraian (H):

Baik	:	12 – 15 markah
Sederhana	:	7 – 11 markah
Lemah	:	1 – 6 markah

(iii) Pembahagian Markah untuk kebahasaan (B):

Baik	:	4 markah
Sederhana	:	2-3 markah
Lemah	:	1 markah

(iv) Pembahagian markah untuk Format (F):

Memenuhi format Penulisan (Pengenalan, Isi dan penutup)	:	1 markah
Tidak memenuhi format penulisan	:	0 markah

B. Cara Pemberian Markah

1. Pemarkahan Bahasa (4)


- 1.1 Bagi 8 kesalahan ejaan atau tanda baca, potong 1 markah. Bagi 4 kesalahan struktur ayat potong 1 markah dengan mengambil ingatan apa-apa kesalahan yang terdapat di dalamnya tidak diambilkira.
- 1.2 Kesalahan yang sama dan diulang tidak dipotong markah, demikian juga ejaan yang sejenis.
- 1.3 Satu (1) markah minimum diberi untuk markah bahasa dan juga bagi jawapan yang terdiri daripada satu ayat bagi setiap perenggaan.


1.4 Keganjangan karangan

- 1.4.1 Karangan hendaklah tidak melebihi 400 patah perkataan. Karangan yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- 1.4.2 Markah maksimum untuk bahasa berdasarkan kepada keganjangan karangan adalah seperti berikut:

Lebih daripada 250 patah perkataan	: 4 markah
151 hingga 250 patah perkataan	: 3 markah
101 hingga 150 patah perkataan	: 2 markah
Kurang daripada 100 perkataan	: 1 markah

1.5 Mencatat kesalahan bahasa dan markah

- 1.5.1 Catat kesalahan bahasa di ruang kiri skrip jawapan. Setiap kesalahan dicatat dengan angka 1.
- 1.5.2 Kesalahan struktur ayat ditandai dengan cara :
() – ditandai S di ruang kiri skrip
- 1.5.3 Kesalahan bahasa kali pertama bagi tatabahasa, ejaan, tanda baca ditandai dengan cara: 

Kesalahan yang sama tidak dikira dan ditandai dengan cara: 

1.5.4 Tidak relevan (TR) dan Tidak Jelas (TJ)

- 2. Karangan yang tidak lansung membincangkan tajuk beri markah 1 (1/25)
- 3. Perhatikan bahawa markah tidak diberi untuk butiran yang berulang-ulang.

4. Adakalanya, anda akan bertemu dengan karangan yang daripada awal lagi sudah menyeleweng tetapi kemudian pada bahagian akhirnya barulah terdapat butiran-butir yang jitu. Oleh sebab itu anda hendaklah membaca seluruh karangan itu walaupun separuh daripadanya menyeleweng supaya kita dapat berlaku adil terhadap calon. Anda juga akan bertemu dengan karangan yang pada mulanya menjawab dengan jitu tetapi kemudiannya menyeleweng daripada tajuk. Dalam hal ini, berilah markah kepada jitu sahaja.
5. Calon layak diberi markah impak/persembahan (1markah) jika jawapannya sempurna dari segi format penulisan karangan, iaitu ada bahagian pengenalan, isi dan penutup.
6. Mencatat pemberian markah karangan.
 - 6.1 Catat markah pada ruang kanan skrip (sebelah atas). Jumlah markah akhir setiap jawapan perlu diletakkan dalam bulatan.
 - 6.2 Tanda I – Idea, H – Huraian, B – Bahasa, F – Format
 - 6.3 Nyatakan di bahagian akhir karangan sekiranya karangan itu **menyeleweng**.

PERINGATAN KEPADA PEMERIKSA:

Calon dikehendaki menjawab dua daripada tiga soalan dalam Bahagian C. Sekiranya calon menjawab ketiga-tiga soalan, hanya semak dua soalan yang mula-mula dijawab oleh calon sahaja yang perlu disemak oleh pemeriksa.

Bahagian A (15 markah)

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	C	6	B	11	C
2	C	7	D	12	D
3	B	8	C	13	D
4	A	9	D	14	A
5	B	10	A	15	B

Bahagian B (15 markah)

16 Berdasarkan gambar rajah di bawah, pilih **tiga** kuasa perundangan yang dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. [3]



Skema Jawapan :	
Bil	Idea/ Huraian
1	Memanggil Parlimen bermesyuarat dari semasa ke semasa
2	Memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen
3	Memperkenan Rang Undang-Undang

17 Huraikan **dua** jenis mahkamah khas. [4]

Skema Jawapan :		
Bil	Idea	Huraian
1	Mahkamah Tentera	- Kesalahan disiplin golongan tentera berkaitan undang-undang perkhidmatan tentera
2	Mahkamah Syariah	- Kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam sahaja

3	Mahkamah Bumiputera	- Kesalahan yang dilakukan dari segi adat resam kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak
4	Mahkamah Perusahaan	- Pertelingkahan antara pihak majikan, pekerja dan Kesatuan Pekerja
5	Mahkamah Buruh	- Tuntutan pekerja swasta terhadap majikan atau sebaliknya
6	Mahkamah Kanak-kanak	- Mengadili kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 18 tahun

Jawapan :

Mana-mana 2 isi/idea

18 Nyatakan **empat** fungsi Majlis Raja-Raja.

[4]

Skema Jawapan :	
Bil	Isi/Idea
1	Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
2	Mempersetujui atau tidak memersetujui tentang apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh persekutuan.
3	Membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.
4	Melantik anggota Mahkamah Khas.
5	Memberi ampun, reprieve dan respite, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman.
6	Menimbang soal-soal mengenai dasar negara dan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut.

Jawapan :

Mana-mana 4 isi/idea

19 Berikan **empat** kesan kelemahan sistem penyampaian khidmat awam.[4]

Skema Jawapan :	
Bil	Isi/Idea
1	Perbelanjaan mengurus akan meningkat
2	Wujudnya budaya kerja yang negatif
3	Banyak aduan dalam komuniti
4	Merosakkan kepercayaan rakyat
5	Usaha pembangunan negara terjejas
6	Menjejaskan imej perkhidmatan awam
7	Menjejaskan kemasukan pelabur asing

Jawapan :

Mana-mana 4 isi/idea

Bahagian C (50 markah)

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

20 Dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam, pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan. Jelaskan.

Skema Jawapan :

Pengenalan

Perkhidmatan awam merupakan salah satu peranan kerajaan dalam memberi kemudahan kepada setiap rakyat. Pelbagai kementerian dan jabatan terlibat dalam memberikan perkhidmatan yang baik dan berkesan. Oleh itu dalam merealisasikan hal ini kerajaan telah mengadakan pelbagai tranformasi dalam perkhidmatan awam.

BIL	ISI/ IDEA	HURAIAN
1	Meningkatkan potensi	<ul style="list-style-type: none">• Melahirkan penjawat awam berdaya saing dan berilmu• Penjawat awam yang lebih mahir dan kompeten dalam bidang tugas mereka
2	Merekayasa/menambahbaik organisasi	<ul style="list-style-type: none">• Organisasi lebih dinamik/fleksibel/maju• Menambah baik sistem, strategi, kepimpinan dan struktur organisasi
3	Mengutamakan pelanggan	<ul style="list-style-type: none">• Menitik beratkan pemantapan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam• Perkhidmatan berasaskan pelanggan dan responsif
4	Membudayakan nilai murni	<ul style="list-style-type: none">• Penerapan nilai murni pada kakitangan awam supaya lebih berintegriti• Mematuhi kod tingkah laku yang menjadi garis panduan dalam menyelesaikan sesuatu tugas• Memahami tanggungjawab dan nilai merupakan satu set pegangan yang membentuk sikap dan perlakuan individu
5	Memperluaskan jaringan kerja/ profesionalisme	<ul style="list-style-type: none">• Kolaborasi dengan negara luar (intra organisasi)• Dalam organisasi (inter organisasi)
6	Meningkatkan penggunaan/ penguasaan ICT	<ul style="list-style-type: none">• Penggunaan ICT dapat menjadikan kerja lebih cekap/ menjimatkan masa urusan/ mengurangkan karenah birokrasi• Dapat mengurangkan kesilapan manusia• Meningkatkan kepuasan pelanggan

7	Menambahbaik kebajikan penjawat awam	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang dalam perkhidmatan • Menyediakan kemudahan kesihatan kepada kakitangan • Menambah peluang kenaikan pangkat
---	--------------------------------------	--

Penutup

Tranformasi dalam perkhidmatan awam penting agar negara lebih berdaya saing.

Jawapan :

Mana-mana 5+0 isi/ idea

21 Isu perpaduan dan integrasi nasional mampu menggugat kedaulatan negara. Bincangkan implikasi jika isu tersebut tidak diselesaikan dengan baik.

Skema Jawapan :

Pengenalan

Integrasi dan perpaduan kaum memainkan peranan yang sangat besar dalam memajukan negara. Pelbagai kesan akan dirasai jika masalah perpaduan tidak diatasi.

BIL	ISI/ IDEA	HURAIAN
1	Mewujudkan masalah perkauman dalam kalangan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan antara kaum menjadi renggang • Tiada persefahaman • Timbul sikap prejudis antara kaum • Menganggap bangsa sendiri lebih hebat • Mengutamakan budaya sendiri
2	Menggugat keamanan dan keharmonian negara	<ul style="list-style-type: none"> • Matlamat negara tidak dikongsi bersama • Berlaku perbalahan/ kacau bilau • Rakyat terkongkong/ aktiviti dijalankan terhad • Menjejaskan keselamatan awam
3	Menjejaskan pembangunan ekonomi Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi akan terganggu/ transformasi negara sukar dilakukan • Alami kemunduran dan kemerosotan • Jurang ekonomi semakin besar • Aktiviti pembangunan terjejas/lambat
4	Menjejaskan sistem pendidikan di Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • Timbul ketidaksamaan matlamat dan pendapat dalam bidang pendidikan • Sukar untuk membangunkan pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia • Menjejaskan pembangunan pendidikan di

		negara ini
5	Menjejaskan pembentukan masyarakat yang demokratik	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak bersefahaman dan matang dalam menerima pandangan • Tidak berfikiran terbuka mewujudkan diskriminasi bersuara dalam kebebasan • Melambatkan proses pembangunan negara
6	Menghakis semangat patriotisme/ cinta akan negara	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan semangat jati diri • Tidak bangga sebagai rakyat Malaysia • Kurang kesedaran terhadap kepentingan negara
7	Menjejaskan kestabilan politik	<ul style="list-style-type: none"> • Etnik mempertahankan hak masing-masing sehingga menggugat kestabilan negara • Kepercayaan rakyat terhadap kerajaan tergugat
8	Mengubah sistem nilai masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Menghakis semangat kejiranan • Tidak mengenali antara satu sama lain • Wujud sikap mementingkan diri • Mewujudkan masyarakat anti sosial/ materialistic akibat kurang bergaul/ tidak beretika
9	Menjejaskan imej negara	<ul style="list-style-type: none"> • Menjejaskan hubungan dengan negara jiran • Bilangan pelancong asing semakin berkurang • Pelaburan langsung asing berkurangan

Penutup

Perpaduan dan intergrasi kaum sangat penting bagi mewujudkan keharmonian negara. Sehubungan itu, wajarlah semua pihak berganding bahu dan menyokong segala program yang dilaksanakan.

Jawapan: 5+0

22 Inflasi banyak memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Oleh itu, masyarakat perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membendung keadaan ini. Bincangkan.

Skema Jawapan :

Pengenalan :

Kenaikan harga umum barangan atau perkhidmatan secara berterusan telah menyebabkan inflasi. Keadaan ini telah meninggalkan kesan terhadap ekonomi Negara.

BIL	ISI/IDEA	HURAIAN
	A. Kesan inflasi	
1.	Pertumbuhan ekonomi terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Inflasi yang tidak terkawal menyebabkan

		<p>pertumbuhan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) terjejas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan perbelanjaan pengguna.
2.	Pelaburan merosot	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan eksport menurun. • Mengurangkan pelaburan dalam industri.
3.	Daya saing eksport terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Eksport menurun dan pendapatan menurun • Pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang dieksport kehilangan daya saing.
4.	Kenaikan harga barang	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kos disebabkan kelemahan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat • Kuasa beli pengguna menurun
5.	Nilai mata wang terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai wang menurun. • Fungsi wang sebagai alat pengukur dan penyimpan nilai terjejas • Penghutang mendapat keuntungan dan pemiutang mengalami kerugian.
	B. Tindakan masyarakat	
6.	Amalan berjimat cermat	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna merancang perbelanjaan • Membeli mengikut keperluan bukannya mengikut nafsu. • Dapat mengurangkan permintaan sesuatu barang.
7.	Bijak berbelanja	<ul style="list-style-type: none"> • Membeli ketika harga rendah • Membandingkan harga dan tawar menawar • Menilai keperluan berbanding kemahuan setiap kali berbelanja
8.	Mengubah gaya hidup	<ul style="list-style-type: none"> • Mengelakkan membeli barangan yang mahal walaupun berkemampuan • Membeli barangan tempatan berbanding barangan import
9.	Amalan menabung	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat membantu ketika menghadapi masalah kewangan. • Menabung dapat mengurangkan pengaliran wang di pasaran.

Kesimpulan :

Kadar inflasi yang tinggi akan meningkatkan kos hidup rakyat. Justeru, rakyat perlu memainkan peranan sebagai pengguna yang bijak supaya tidak terkesan dengan keadaan ini.

Jawapan :

Mana-mana 3+2 @ 2+3 isi/idea

SKEMA JAWAPAN TAMAT